

Bekas PM tidak suka nama MIB: Shahrol Azral

Kuala Lumpur: Singkatan MIB bagi Malaysian Investment Berhad tidak disukai bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menyebabkan ia ditukar kepada IMDB (IMalaysia Development Berhad).

Maka pada 4 September 2009, syarikat pelaburan strategik Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA) ditukar nama kepada IMDB selepas diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Pengambil alihan itu dikemukakan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang merujuk kepada dokumen Minit Mesyuarat TIA pada 12 Ogos 2009 dan ia turut dihadiri Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi selaku Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TIA dan bekas Pengarah Eksekutif Casey Tang.

Shahrol Azral yang juga bekas CEO IMDB memberikan penjelasan lanjut mengenai pemilihan nama itu, berkata ahli

perniagaan, Jho Low atau Low Taek Jho mencadangkan kepada lembaga pengarah supaya nama baharu yang akan dipilih itu adalah 'hampir' kepada nama Mubadala Group Investment Co, Abu Dhabi.

"Kami memilih beberapa nama pada mulanya dan mencadangkan nama IMDB kerana seakan-akan dengan nama Mubadala.

"Najib berminat dengan butiran (nama) yang dicadangkan itu, bagaimanapun ia hanya berdasarkan kepada apa yang dimaklumkan Jho Low kepadanya.

"Saya diarahkan untuk menyiapkan pertukaran nama secara formal dengan menulis surat dan meletakkan kesemuanya secara hitam putih (direkodkan)," jelas saksi pendakwaan kesembilan itu.

Sejurus sebelum TIA ditukar nama, satu Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas diadakan pada

27 Ogos 2009 di Royal Chulan, Damansara dan Muhammad Shafee kemudian merujuk saksi kepada Resolusi Pekeliling Pengarah bagi mesyuarat itu.

Shahrol Azral menjelaskan kepada mahkamah, tujuan mesyuarat adalah untuk mendingar cadangan Ambank berhubung Pertukaran Kadar Faedah (IRS) membabitkan bon Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) terbitan TIA.

Ini kerana, apabila bon IMTN bernilai RM5 bilion itu diterbitkan, TIA komited kepada kadar faedah 5.75 peratus.

Menurut Shahrol Azral, Ambank mahu memperkenalkan produk kepada TIA bagi syarikat itu membayar Kadar Faedah Terapung yang lebih rendah berbanding pada kadar 5.75 peratus berserta bayaran perkhidmatan dan sedikit risiko.

"Apa yang buruk boleh terjadi ialah apabila diapungkan, (ka-

dar faedah) boleh menjadi lebih tinggi," katanya.

Sementara itu, peranan Jho Low yang disifatkan saksi sebagai 'menjalankan kerja' untuk Najib digambarkannya melalui perkataan Itali, *consigliere*.

Maksud kata nama itu ialah, ahli keluarga Mafia yang berkhidmat selaku penasihat kepada ketuanya dan menyelesaikan sebarang pertikaian membabitkan keluarga.

Muhammad Shafee pula yang turut mengambil perkataan Itali, mencadangkan kepada Shahrol Azral bahawa beliau (saksi) adalah *soprammobili* (hiasan) meja semata-mata yang tidak ada kegunaan.

Pembelajaran perkataan Itali di mahkamah itu berpunca daripada keterangan Shahrol Azral bahawa Jho Low wakil kepada Najib, dan menurutnya Jho Low pernah memberitahunya (saksi) untuk menjangkakan soalan da-

ripada wakil Istana Terengganu berhubung peranan ahli perniagaan itu dalam TIA.

Apabila ditanya Muhammad Shafee, Jho Low mewakili Najib sebagai apa, saksi menjawab; "Apa perkataan Itali tu? *consigliere*... Dia adalah seseorang yang melakukan kerja untuk Najib.

Peguam kemudian bertanyakan saksi, adakah pemegang saham tidak mengetahui apabila beliau mencadangkan supaya Kementerian Kewangan mengambil alih TIA.

Shahrol Azral menjawab, ia adalah kemahuan Najib yang disampaikan kepada Jho Low.

Muhammad Shafee: Kamu tidak pernah sahkan dengan Najib. Apa perkataan Itali itu, *consigliere*.

Kamu pula *soprammobili* (hiasan) meja... Kamu seorang yang tidak ada guna, hanya hiasan semata-mata.

Shahrol Azral: Tidak setuju.